JURNAL ISLAM DAN MASYARAKAT KONTEMPORARI
© PENERBIT UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
ISSN 1985-7667 • e-ISSN: 2289-6325
http://dx.doi.org/

PENERBIT
Universiti Sultan Zainal Abidin

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari
Journal of Islam and Contemporary Society JIMK

https://journal.unisza.edu.my/jimk

[RECONSTRUCTING HIREARCHY OF USING PROHIBITED SOURCES DURING NECESSITY]

REKONSTRUKSI HIERARKI PENGGUNAAN *MUHARRAMAT* DALAM MAKANAN KETIKA *DARURAH*

Mohd Hapiz Mahaiyadin[1]*
Amal Hayati Ishak[2]
Mohd Faiz Mohd Yusof[2]

[1]Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA
Pulau Pinang Branch, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia

[2]Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA
40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: mohdhapiz659@ppinang.uitm.edu.my

Received Date: 24 October 2018 • Accepted Date: 31 January 2019

Abstract

This study will present a model of using prohibited sources (muharramat) in case of darurah. The model will guide the victim of darurah to the method of use as required by shari'ah. As a qualitative study, it will analyze the contents of the classical fiqh text about the category of muharramat and hierarchy of prohibited resources such as pigs, carcasses, blood and alcohol. Re-analysis of this contents is very important in achieving the objective of the study, which is how to use muharramat when it comes today. This is because food technology had produced several food products from prohibited sources such as gelatin, blood plasma, glycerin and alcohol that are widely used today. Indirectly, some of these products should also be included in the current discussion on darurah. Thus, the position of each different muharramat will be analyzed in terms of its category, domination and haram-effects in the context of Islamic law. Hence, this study has found that the categorization of haram muttafaq 'alayh and mukhtalaf fih is more relevant as a new medium in restructuring of various contemporary prohibited sources in food. As a result, this study succeeded in reconstructing a Hierarchy Model of Using Prohibited Food in Darurah which can be used as a guide by Muslim consumers.

Keywords: *darurah, muharramat, consumption, hierarchy and food*

Abstrak

Kajian ini akan mengemukakan sebuah model penggunaan sumber haram (*muharramat*) ketika *darurah*. Model tersebut akan memandu mangsa *darurah* (*mudtarr*) kepada kaedah penggunaan *muharramat* yang selari dengan syariah. Kajian ini berbentuk kualitatif yang akan menganalisis

kandungan teks *fiqh* silam mengenai pembahagian *muharramat* dan hierarki penggunaan klasik sumber haram seperti babi, bangkai, darah dan arak. Penganalisisan semula amat penting bagi mencapai objektif kajian iaitu menetapkan cara penggunaan muharramat ketika darurah masa kini. Hal ini disebabkan, kejayaan teknologi hari ini menghasilkan beberapa produk makanan daripada pelbagai sumber haram seperti gelatin, plasma darah, gliserin dan alkohol yang digunakan secara meluas. Penggunaan sebahagian produk tersebut juga perlu dibahaskan dalam kes *darurah* semasa. Maka, kedudukan setiap *muharramat* yang berbeza akan dianalisis daripada segi kategori, dominasi dan kesan haramnya dalam konteks hukum Islam. Justeru itu, kajian ini telah mendapati pengkategorian haram *muttafaq* '*alayh* dan *mukhtalaf fihi* lebih releven sebagai medium baharu dalam penstrukturan semula pelbagai sumber haram kontemporari dalam makanan. Hasilnya, kajian ini berjaya membangunkan sebuah Model Hierarki Penggunaan Muharramat dalam Makanan Ketika *Darurah* yang boleh menjadi panduan kepada para pengguna Islam.

Kata kunci: darurah, muharramat, penggunaan, hierarki dan makanan

Cite as: Mohd Hapiz Mahaiyadin, Amal Hayati Ishak & Mohd Faiz Mohd Yusof. 2019. Rekonstruksi hierarki penggunaan muharramat dalam makanan ketika darurah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 20(1): 191-202.

PENDAHULUAN

Darurah merupakan suatu kesulitan kritikal yang berpotensi menjejaskan *daruriyyat al-khams* (agama, nyawa, keturunan, akal dan harta) yang dengan itu, menjadi salah satu sebab keuzuran syarie yang layak diberikan rukhsah. Kelonggaran ini berpaksikan beberapa ayat al-Quran (Surah al-Baqarah 2:173; Surah al-Maidah 5:3; Surah al-An'am 6:119 & 145; Surah al-Nahl 16:115) dan sunnah Nabi SAW yang memerintahkan umat Islam supaya menjauhi pelbagai kemudaratan termasuk ancaman *darurah* terhadap nyawa dan fizikal. Petunjuk nas-nas tersebut dibahaskan oleh para fuqaha silam seperti al-Shafi'i (2001), al-Jassas (1992), al-Juwayni (1979), al-Sarakhsi (2000), al-Ghazali (1993), Ibn al-'Arabi (2003), 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam (1990), al-Qarafi (2001), al-Shatibi (t.th.), al-Suyuti (1998) dan Ibn Nujaym (2005).

Keadaan *darurah* membenarkan penggunaan *muharramat* (Haydar 2003). Namun, keharusan *muharramat* dalam kes *darurah* tidak tertumpu kepada aspek pemakanan sahaja, malah turut mencakupi pelbagai aspek *darurah* lain yang memberikan implikasi negatif terhadap *daruriyyat al-khams* (al-Bahusayn 2001). Lantaran itu, al-Zuhayli (1985) menggariskan sebanyak empat belas faktor *darurah* iaitu makanan (*ghiza'*), rawatan (*dawa'*), paksaan (*ikrah*), lupa (*nisyan*), kejahilan (*jahl*), kesusahan (*'usr*) dan kesulitan umum (*'umum al-balwa*), pengembaraan (*safar*), penyakit (*marad*), kekurangan/kecacatan semula jadi (*al-naqs al-tabi'iy*), pertahanan diri (*al-difa' al-syar'iy*), mengutamakan *darurah* daripada qiyas (*istihsan al-darurah*), *maslahah* disebabkan *darurah* (*al-maslahah al-mursalah li al-darurah*), dan budaya (*'urf*). Beberapa sarjana Islam seperti Jamil Mubarak (1998), Abu Zayd (2005) dan Mahmud al-Zayni (t.th.) menyatakan *darurah* turut terjadi samada disebabkan pengaruh unsur luaran atau dalaman manusia, atau disebabkan unsur semulajadi dan juga akibat tindakan manusia sendiri.

Keharusan penggunaan bangkai, darah, babi, arak dan pelbagai *muharramat* ketika *darurah*

tertakluk kepada tatacara serta syarat penggunaan yang ketat dalam tempoh terhad (al-Suyuti 1998; Ibn Nujaym 2005). Penggunaan sumber haram seharusnya dilakukan secara berhati-hati iaitu dengan memilih sumber paling minima dalam kadar yang berpatutan sehingga keadaan *darurah* tamat (al-Zarqa 1989). Walau bagaimanapun, praktik ini hanya dapat dilakukan setelah mangsa *darurah* (*mudtarr*) mengetahui kaedah penggunaan yang betul. Justeru, tatacara penggunaan *muharramat* berkaitan makanan perlu diformulasikan dalam sebuah kerangka yang lebih sistematik.

OBJEKTIF

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai seperti yang berikut:

1. Membincangkan konsep muharramat dalam wacana *fiqh* klasik.
2. Mencadangkan penstrukturan semula pelbagai sumber haram kontemporari dalam makanan.
3. Mengemukakan tatacara penggunaan *muharramat* berkaitan makanan ketika *darurah* dalam sebuah model yang lebih sistematik

METODOLOGI

Kajian ini akan melakukan analisis terhadap kandungan teks daripada sumber rujukan hukum Islam yang autoritatif. Semua data dan maklumat mengenai *darurah* dan *muharramat* diperoleh daripada buku-buku fekah, kaedah-kaedah fekah, *maqasid* syariah dan usul fekah yang autentik.

Dua jenis metod analisis telah digunakan. Pertama, analisis konseptual yang membuat penelitian terhadap hirearki penggunaan *muharramat* klasik daripada karya *fuqaha* empat mazhab. Kedua, analisis *relational* atau semantik yang mengkaji hubungan konsep *muharramat* dengan aplikasi *darurah*. Hubungan antara kedua-duanya diperhatikan dalam wacana fuqaha dan metodologi ijtihad yang mereka gunakan seperti teknik penghujahan, kritikan dan pentahkikan pandangan yang kuat.

Akhir sekali, rumusan konseptual tentang kaedah penggunaan *muharramat* akan dikemukakan dalam suatu Model Hirearki Pengambilan Muharramat dalam Makanan Ketika *Darurah*. Ini kerana, penggunaan *muharramat* bagi menyelamatkan nyawa dan diri mukalaf daripada kemudaratan hanya dapat dilakukan dengan betul setelah mangsa *darurah* (*mudtarr*) mengetahui hirearki penggunaan yang jelas.

Kerangka asas model kajian ini telah dibuat penambahbaikan setelah dibentangkan dalam sebuah bengkel perbincangan pakar fatwa dan pakar pergigian di Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Antarabangsa (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan pada 6 Jun 2015. Justeru pembinaan model kajian ini merupakan suatu sumbangan akademik yang inovatif dalam kajian kepenggunaan halal.

PERBINCANGAN

Konsep Muharramat

Muharramat (kata tunggalnya *muharram*) berasal daripada kalimah *haram* yang merupakan salah satu daripada *al-ahkam al-taklifiyyah* (Abu Zuhrah t.th.; Khallaf t.th.). Haram merupakan lawan kepada maksud halal iaitu sesuatu yang dilarang samada berdasarkan perintah syarak, undang-undang dan logik pemikiran manusia (Abu al-Baqa t.th.; Abu Jib 1998).

Daripada segi istilah, haram dihuraikan sebagai perkara yang diharamkan syarak (al-Zuhayli 1997) atau apa sahaja yang dilarang oleh syarak daripada melakukannya secara tegas (Khallaf t.th.; Abu Zuhrah t.th.; Jad al-Haqq 1998). Haram juga suatu ciri atau sifat dalam pertuturan atau perbuatan yang dicegah oleh syarak secara tegas melalui nas-nas yang jelas dalam al-Quran dan sunnah (al-Baz 2008).

Setiap yang haram mengandungi *mafsadah* dan kemudaratan samada *mafsadah* itu menjejaskan *daruriyyat al-khams* manusia secara mutlak (*mafsadah khalisah*) ataupun secara dominan (*mafsadah ghalibah*). Perkara ini menjadi suatu prinsip hukum *fiqh* dalam pengharaman sesuatu perkara yang mendatangkan *mafsadah* kepada orang ramai ataupun boleh menyebabkan terluputnya *maslahah*. Semua *muharramat* pasti memiliki salah satu daripada sifat tersebut (al-Anbari 1997).

Terdapat beberapa sumber makanan (haiwan dan tumbuhan) telah diharamkan oleh nas al-Qur'an, sunnah dan ijmak ulama kerana mengandungi keburukan kepada *daruriyyat al-khams* secara langsung atau tidak langsung. Contohnya daging babi, darah, air kencing manusia, muntah dan tahinya, arak, nanah, air mazi dan air wadi, daging bangkai haiwan darat yang mengalir darah, daging dan susu haiwan tidak boleh dimakan serta organ yang terpisah daripada haiwan masih hidup (al-Zuhayli 1989). Selain itu, penggunaan hasis (*cannabis*), candu (*opium*), safron dan buah pala (*nutmeg*) juga diharamkan jika boleh memudaratkan kesihatan manusia (Abu Zayd 2005).

Kategori Muharramat

Muharramat terbahagi kepada dua kategori utama iaitu *muharram li dhatih* dan *muharram li ghayrih* (Khallaf t.th.; Jad al-Haqq 1988; al-Anbari 1997). *Muharram li dhatih* adalah sesuatu yang diharamkan sejak asal kerana zat dan bentuknya sendiri seperti arak, darah, air kencing, daging babi, bangkai dan sebagainya. Ia juga diharamkan kerana mengandungi *mafsadah* dan kemudaratan terhadap *daruriyyat al-khams* secara langsung (Abu Zuhrah t.th.). Hukum kategori ini adalah tetap dan menjadi suatu peraturan syariah yang mutlak. Tiada sebab yang boleh mengharuskannya kecuali dalam kes *darurah* (Ibn 'Abd al-Salam 1990).

Muharram li ghayrih pula merupakan sesuatu yang diharamkan kerana sebab-sebab luaran atau dapat menimbulkan *mafsadah* dan kemudaratan secara tidak langsung terhadap elemen *daruriyyat al-khams*. Ia pada asalnya terdiri daripada sesuatu yang harus tetapi menjadi haram kerana beberapa faktor seperti berikut:

1. Penggunaan tidak sah seperti barang-barang curi dan haiwan yang tidak disembelih dengan cara yang sah),
2. Pendorong kepada *muharram li dhatih* seperti melihat aurat wanita, berkhalwat tanpa mahram dan bersolat dengan memakai pakaian curi,
3. Penyebab kepada kemudaratan secara tidak langsung terhadap elemen *daruriyyat al-khams* seperti penyalahgunaan dadah, morfin, heroin dan pil kuda (*methamphetamine*) yang menyebabkan ketagihan dan hilang kawalan diri kepada penggunanya, serta ;
4. Sumber makanan halal yang dianggap syubhah lalu ditinggalkan atas sebab *ihtiyat* (berwaspada) kerana berlaku percampuran dengan sedikit seumber haram (Albahusayn 2001; Humayd 1982).

Fuqaha turut membincangkan hukum perubahan bentuk sesuatu benda melalui proses *istihalat* seperti arak menjadi cuka dan bangkai binatang menjadi garam. *Istihalat* dijelaskan sebagai suatu proses perubahan yang berlaku terhadap benda najis seperti arak bertukar menjadi cuka, najis yang dibakar menjadi abu, darah kijang menjadi kasturi dan kulit binatang yang disamak (Ibn 'Abidin 1992; al-Hattab

1995; al-Ramli 2003; al-Bahuti 2003). Dalam kajian ini, sumber makanan daripada *istihalat* dimasukkan dalam kategori haram *mukhtalaf fih* disebabkan ia tidak dihukumkan bersih menurut Mazhab Shafi'i yang diamalkan di Malaysia (al-Ramli 2003).

Secara umumnya, *istihalat* diterima oleh semua fuqaha sebagai instrumen purifikasi terhadap najis dan *muharamat* yang berubah kepada unsur lain. Sebahagian *fuqaha* dalam kalangan Hanafiyyah (Ibn Abidin 1992; al-Kasani 2003), Malikiyyah (al-Disuqi t.th.), Zahiriyyah (Ibn Hazm t.th.), Ibn Taymiyyah (2004) dan Ibn al-Qayyim (2002) menganggap *istihalat* dapat membersihkan semua jenis *muharramat* dan najis yang berubah. Sementara sebahagian yang lain seperti Shafi'iyyah (al-Ramli 2003), Hanabilah (Ibn Qudamah t.th.) dan Abu Yusuf (Ibn 'Abidin 1992; al-Kasani 2003) menurut satu pandangan menyempitkannya dalam jenis benda yang dinaskan syarak sahaja.

Perbezaan antara dua kategori *muharramat* di atas termasuk perbezaan pandangan mengenai sumber daripada proses *istihalah*, telah menunjukkan secara implisit bahawa semua *muharramat* tidak berada dalam suatu standard yang sama. Fakta ini menunjukkan *mudtarr* perlu mengenalpasti kriteria setiap *muharramat* sebelum menentukan jenis makanan yang pertama perlu dimulakan.

HERARKI PENGGUNAAN *MUHARRAMAT* DALAM TRADISI FUQAHA SILAM

Para *fuqaha* telah membahaskan tentang hirearki penggunaan *muharramat*. Namun mereka tidak bersepakat dalam menentukan jenis muharramat yang perlu dimakan jika pengguna berhadapan dengan dua atau lebih sumber haram. Ibn Hazm (t.t) memberikan kebebasan menggunakan apa sahaja *muharramat* atas alasan tidak terdapat sebarang asas membezakan antara satu jenis dengan jenis haram lain. Ia boleh dimakan sehingga kenyang.

Sementara majoriti *fuqaha* empat mazhab menetapkan penggunaannya mesti bermula dengan *muharramat* paling ringan berdasarkan kaedah *irtikab akhaff al-dararayn* (memilih mudarat paling ringan). *Mudtarr* seharusnya memilih kemudaratan lebih ringan untuk mengelakkan daripada kemudaratan lebih besar untuk keselamatan nyawa, akal dan *daruriyyat al-khams* lain (Ibn Rajab 1999). Contohnya seperti keharusan memakan *mayyitah*, daging babi dan minum arak kerana kesan mudaratnya agak ringan berbanding membiarkan diri terdedah kepada kematian jika tidak menggunakannya.

Selanjutnya, *fuqaha* Malikiyyah menetapkan *muharramat* yang lebih ringan seperti bangkai mesti diutamakan daripada daging babi atau bangkai diutamakan daripada buruan di Tanah Suci yang masih hidup selagi mana bangkai itu masih elok dan tidak memudaratkan. Jika telah berubah dan busuk, maka barulah buruan dibenarkan. Mereka juga berpendapat perlu diutamakan *muharramat* yang lebih bersih seperti makanan milik orang berbanding bangkai (al-Hattab 1995). Kebiasaannya manusia akan bermurah hati memberikan miliknya kepada orang yang kelaparan. Pandangan ini menjadi pilihan Wahbah al-Zuhayli (1989).

Dilaporkan bahawa Imam Malik menegaskan makanan milik orang (yang bersih) lebih disukainya daripada memakan bangkai dengan syarat tidak berlaku fitnah terhadap *mudtarr* seperti dipukul atau dituduh mencuri. Jika tidak, lebih baik memakan bangkai (al-Hattab 1995).

Manakala majoriti *fuqaha* Hanafiyyah, Shafi'iyyah dan Hanabilah mengutamakan bangkai berbanding makanan orang lain ataupun buruan di Tanah Suci. Ini kerana asas yang mengharuskan bangkai bersumberkan nas manakala yang lain hanya disabitkan dengan ijtihad. Dalam hal ini,

peruntukan nas patut diutamakan daripada ijtihad. Apatah lagi syariat Islam memperketatkan penggunaan hak manusia berbanding hak Allah yang selalu diperluaskan (al-Suyuti 1998). Fuqaha Hanabilah turut mewajibkan *mudtarr* agar bertanya (meminta izin) terlebih dahulu kepada pemilik makanan sebelum memakan bangkai. Mereka juga menegaskan jika ditemui dua jenis bangkai yang salah satunya berlaku khilaf (*mukhtalaf fih*), maka *mudtarr* tidak boleh makan bangkai yang disepakati ulama (al-Bahuti 2003).

Semua pandangan di atas berasaskan ijtihad yang melihat daripada dimensi berbeza. Penyelidik mendapati, walaupun keadaan *darurah* membenarkan *mudtarr* memakan atau menggunakan *muharramat* tanpa sebarang perbezaan, pendekatan Ibn Hazm kurang tepat jika dinilai daripada perspektif *maqasid syarak*. Ini kerana syarak telah menetapkan praktikaliti *darurah* diamalkan dalam konteks yang menuntut penggunaan *muharramat* secara berhati-hati. Justeru itu, faktor kapasiti haram antara jenis *muharramat* perlu diambil kira sebagaimana pandangan jumhur. Begitu juga dalam keadaan darurah, *mudtarr* tidak seharusnya mengabaikan faktor kebersihan sumber makanan, kehormatan hak milik orang lain, kapasiti haram, budaya setempat selain faktor keselamatan *mudtarr* itu sendiri. Ini menunjukkan semua fuqaha kecuali Ibn Hazm bersetuju secara tidak langsung bahawa penggunaan *muharramat* perlu bermula dengan yang paling ringan risikonya samada pada keselamatan *mudtarr* ataupun hak pengguna lain.

Sehubungan hal di atas, pengambilkiraan faktor-faktor seperti yang dinyatakan adalah menepati tuntutan kaedah *fiqh al-darurah tuqaddar bi qadariha* dan *yukhtar ahwan al-sharrayn* (al-Suyuti 1998; Ibn Nujaym 2005). Walau bagaimanapun, intisari perbahasan *fuqaha* masih berlegar dalam kerangka pengkategorian *muharramat* lama seperti dinyatakan sebelum ini.

ANALISIS DAN DAPATAN

Rekonstruksi Jenis Muharramat berasaskan Haram Muttafaq ‘Alayhi dan Haram Mukhtalaf Fihi

Kajian ini mendapati bahawa kerangka pengkategorian *muharram li dhatih* dan *muharram li ghayrih* tidak berupaya untuk menstrukturkan kedudukan haram pada produk-produk masa kini yang dihasilkan daripada derivatif babi, bangkai dan darah. Terdapat dua alasan berikut:

1. Kategori *haram li ghayrih* terlalu luas cakupannya terhadap setiap perkara yang pada asalnya diharuskan tetapi dilarang penggunaannya kerana dapat menjejaskan kemaslahatan umum. Contohnya dadah merupakan suatu yang harus tetapi menjadi haram kerana penyalahgunaan oleh pihak tidak bertangungjawab yang membahayakan nyawa manusia. Walaupun haram, dadah tidak sama seperti daging babi, arak dan pelbagai *muharramat* yang bersifat mutlak.
2. Kesukaran untuk kita memposisikan status hukum benda atau bahan baharu yang berasal daripada derivatif *muharramat* melalui proses *istihalat*. Contohnya gelatin, plasma darah dan seumpamanya yang terdapat dalam produk makanan, farmaseutikal dan kosmetik. Produk-produk *istihalat* tersebut difatwakan haram oleh *fuqaha* Shafi‘iyyah dan Hanabilah (yang diamalkan di Malaysia). Manakala di sisi *fuqaha* Hanafiyyah dan Malikiyyah, ia adalah bersih dan seterusnya halal digunakan.

Lantaran itu, penstrukturan pelbagai jenis produk makanan haram masa kini lebih sesuai dibahagikan kepada dua kategori baharu *muharramat* iaitu:

1. Benda haram yang disepakati (*haram muttafaq ‘alayh*), dan

2. Benda haram yang tidak disepakati (*haram mukhtalaf fih*).

Pengkategorian baharu ini dianggap releven untuk diaplikasi ke dalam pelbagai kandungan produk gunaan (khususnya makanan) masa kini berdasarkan penstrukturan strata dominasi haram setiap produk, daripada maksimum kepada minimum. Produk-produk tersebut dapat dijadualkan seperti berikut :

1. Produk yang diperbuat daripada bahan *haram muttafaq 'alayhi* seperti babi, darah, bangkai dan arak. Contohnya seperti bah kut teh, pelbagai minuman beralkohol, luncheon dan sebagainya.
2. Produk yang diperbuat daripada benda atau bahan *haram mukhtalaf fihi* yang telah berubah (*istihalah*) bentuk dan sifatnya daripada *muharramat* kepada benda baharu yang suci. Contohnya seperti gelatin, gliserin dan serbuk plasma darah yang menjadi bahan penting dalam pembuatan produk makanan, kapsul, pil, tablet, losyen, sapuan dan peralatan kosmetik.
3. Produk yang diperbuat daripada benda atau bahan *haram mukhtalaf fihi* ataupun diragui kehalalannya yang bercampur dengan sumber halal. Justeru pengharamannya boleh dibuat atas dasar *ihtiyat*. Contohnya seperti bebola ikan, kek ikan, kaki ketam, udang tiruan dan produk surimi yang menggunakan serbuk plasma darah. Ia termasuk juga ikan air tawar seperti keli, tilapia dan patin yang diberi makan organ dalaman babi dan najis.
4. Benda atau bahan *haram mukhtalaf fihi* disebabkan faktor-faktor luaran seperti menyebabkan *mafsadah* kepada manusia dan alam sekitar atau menyalahi undang-undang negara seperti bahan makanan dan ubatan yang diseludup dari negara jiran.

Selain itu, pengkategorian ini juga dapat mempastikan interaksi dengan *muharramat* menepati syarat *darurah* yang menghadkan penggunaan secara minima dan tidak menimbulkan kemudaratan lebih besar. Penggunaan yang minima bukan sahaja melimitkan kuantiti kegunaan malah perlu juga memilih kategori haram yang lebih ringan.

Berdasarkan struktur di atas, penggunaan sebarang produk haram oleh *mudtarr* perlu bermula dengan *muharramat* paling ringan kesan haramnya iaitu menggunakan produk *haram mukhtalaf fih* sebelum menggunakan produk *haram muttafaq 'alayh*, atau menggunakan produk campuran *haram mukhtalaf fih* yang ter*istihalat* berbanding campuran haram tidak ter*istihalah*. Setelah semuanya tiada, baru *mudtarr* dibenarkan menggunakan babi, arak, darah dan bangkai dalam bentuk mentah sebagaimana dinyatakan secara literal dalam al-Qur'an dan sunnah.

Aplikasi Penggunaan Muharramat Makanan Pada Masa Kini

Aplikasi penggunaan *muharramat* seperti dibincangkan sebelum ini dapat distrukturkan dalam sebuah model yang dinamakan Model Herarki Penggunaan *Muharramat* Dalam Makanan Ketika *Darurah* seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Model Hirearki Penggunaan Muharramat Makanan

Kategori Haram	Komponen Haram	Sumber Haram	Sampel	Strata Haram
HR^S	*Muharramat* daripada sumber asal haram sepenuhnya	Arak / Alkohol	Wain, Bir, Samsu & Tuak	**HR^S L4**
		Porcine	Organ babi dan darah	
	Muharramat daripada sumber asal yang halal	*Bovine*	Organ haiwan halal tidak disembelih	**HR^S L3**
	Produk diperbuat daripada campuran derivatif *muharramat* yang **tidak berubah** melalui proses *istihalat*	Arak/ Alkohol	Cuka Arak, *Cooking Wine*, Air perisa buah beralkohol, konfeksi, kek & roti	**HR^S L2**
		Derivatif *Porcine*	Ais krim, lelemak, minyak & keju,	**HR^S L1**
		Derivatif *Bovine*	Ais krim, lelemak, minyak & keju	
HR^K	Produk diperbuat daripada campuran derivatif *muharramat* yang telah **berubah** melalui proses *istihalat*	Derivatif *Porcine*	Agar-agar, jelli, kandi & coklat bar	**HR^K L3**
		Plasma Darah	Kek ikan & produk Surimi	
		Derivatif *Bovine*	Agar-agar, jelli, kandi & coklat bar	**HR^K L2**
	Produk yang dihukum syubhah/disediakan dengan peralatan/prosedur tidak patuh syariah	Bukan arak dan alkohol	Makanan yang tercemar/bercampur dengan sumber haram sedikit	**HR^K L1**

Dalam Jadual di atas, gambaran pengambilan sumber makanan dan minuman ketika *darurah* telah dilakarkan melalui kategori, komponen, sumber, sampel dan strata sumber haram. Singkatan nama bagi jenis *Haram Muttafaq Alayhi* adalah HR^S manakala *Haram Mukhtalaf fihi* adalah HR^K. Sementara strata atau tingkatan jenis *Haram Muttafaq Alayhi* tingkat 1 disingkatkan kepada HR^S L1 dan *Haram Mukhtalaf fihi* tingkat 1 kepada HR^K L1.

Justeru, hirearki penggunaan jadual di atas bermula daripada strata *muharramat* paling minimum kepada maksimum , iaitu daripada HR^K L1, HR^K L2, HR^K L3, HR^S L1, HR^S L2, HR^S L3 dan HR^S L4.seperti berikut:

1. Produk bakeri oleh syarikat bukan Islam yang pada asasnya tidak mengandungi sumber haram, tetapi bercampur dengan produk tidak halal lain atau produk konfeksi, kek dan roti dan kandi. Produk seperti ini dianggap syubhah kerana disediakan dengan peralatan bernajis atau gagal mematuhi prosedur halal. Kelompok ini dirujuk sebagai HR^K L1.
2. Produk makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan derivatif *muharramat* yang telah berlalu istihalah seperti kek, roti dan pastri yang mengandungi gelatin, wei, renet dan seumpamanya. Begitu juga bebola dan kek ikan, udang dan pelbagai produk surimi yang mengandungi serbuk plasma darah. Kelompok ini dirujuk sebagai HR^K L2 dan HR^K L3.

Dalam hal ini, memakan produk *istihalat* daripada derivatif babi seperti gelatin tidak sama dengan memakan organ babi kerana hampir kesemua struktur dan sifat asal babi sudah berubah menjadi bahan baharu iaitu gelatin. Bahan-bahan baharu tersebut dihukumkan halal oleh Hanafiyyah dan

Malikiyyah serta kebanyakan sarjana Islam semasa dan tidak dianggap suci oleh mazhab Syafie. Walaupun tidak dianggap suci oleh sebahagian *fuqaha*, produk makanan tersebut masih ringan berbanding pengharaman babi yang disepakati semua *fuqaha*.

3. Produk makanan yang bercampur atau diperbuat daripada sumber haram HR^S yang tidak berlaku *istihalat*. Sekalipun sebahagian komposisinya adalah halal tetapi komponen haramnya masih kekal dalam bentuk asal. Contohnya sayuran dan lauk-pauk yang digoreng dengan minyak atau lelemak haiwan halal (sumber *bovine*) yang tidak disembelih (HR^S L1) atau roti dan kek yang dimasukkan arak dan wain atau menggunakan gelatin daripada derivatif *porcine* (HR^S L2).
4. Makanan daripada sumber halal seperti ayam dan daging kambing, lembu dan kerbau yang tidak disembelih mengikut kaedah syarak (HR^S L3). Kategori makanan ini lebih ringan daripada daging babi dan darah. Ini disebabkan ayam dan daging lembu yang tidak disembelih, walaupun dianggap najis dan haram, masih halal pada asalnya. Namun, sumber ini lebih berat jika dibandingkan dengan kategori HR^S L2 dan HR^S L1 sebelum ini yang bercampur dengan sebahagian sumber halal. Hal ini kerana haiwan halal yang tidak disembelih adalah haram dimakan menurut semua *fuqaha*.
5. Sekiranya semua jenis makanan menurut urutan terdahulu tiada, pengguna baru boleh memakan daging babi (HR^S L4) dan pelbagai sumber haram mutlak lain dengan memasaknya terlebih dahulu mengikut kaedah masakan yang boleh mengurangkan kadar memakan daging tersebut secara mentah.
6. Jika minuman seperti arak (HR^S L4), pemilihan bermula dengan yang kandungan alkoholnya lebih rendah seperti jenis bir berbanding dengan pelbagai wain dan spirit. Ini berdasarkan catatan beberapa penyelidik (Hanson t.th.) bahawa kandungan alkohol dalam bir adalah sekitar 3-10% berbanding dengan wain sebanyak 8-14%. Di samping itu, kandungannya dalam wain yang dipertingkatkan (*fortified wine*) dan disuling (*distilled spirit*) lebih tinggi iaitu antara 16-70%. Justeru, pemilihan bir diutamakan sebagai minuman ketika *darurah* kerana kandungan alkoholnya lebih rendah daripada wain.

Perlu dipertegaskan bahawa arak sama ada daripada anggur seperti wain atau sumber lain seperti bir, samsu dan todi ialah minuman mabuk yang diharamkan menurut kebanyakan *fuqaha* (al-Muti‘i t.th.; Ibn Qudamah, t.th.) tanpa membezakan antara kedua-duanya seperti fuqaha Hanafiyyah. Menurut Hanafiyyah air selain daripada anggur (*nabiz*) yang diperam halal diminum selagi tidak memabukkan (al-Sarakhsi 1993). Walaupun pandangan ini dikritik oleh majoriti *fuqaha*, ia boleh dijadikan asas untuk pemilihan jenis minuman yang ringan kandungan alkoholnya.

KESIMPULAN

Syariat Islam merupakan sebuah peraturan yang tidak membebankan manusia. Sewaktu berhadapan keadaan *darurah*, syariah membenarkan umat Islam menggunakan beberapa *muharramat* seperti babi, darah, bangkai dan arak bagi menyelamatkan nyawa. Keharusan tersebut menjadi suatu petunjuk yang signifikan bahawa menjaga *daruriyyat al-khams* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan akal manusia adalah satu kewajipan syarie. Kelonggaran atau rukhsah seperti demikian amat bertepatan dengan *maqasid al-shari‘ah* yang melindungi kemaslahatan manusia.

Pada dasarnya, sesuatu yang haram tidak mudah menjadi halal. Walaupun ia dibenarkan ketika *darurah*, hal ini bukan bermaksud mangsa *darurah* boleh memakan sumber haram dengan sewenang-wenangnya. Para mangsa *darurah* perlu memahami bahawa kelonggaran tersebut hanya suatu

pengecualian sementara waktu (*temporary*) daripada tuntutan hukum asal iaitu haram. Pada waktu biasa, babi, bangkai, darah dan arak haram digunakan secara langsung sebagai makanan atau minuman dan juga secara tidak langsung seperti berjual beli dan memakan hasil keuntungannya.

Lantaran itu, sebarang penggunaan produk makanan yang berkaitan dengan sumber haram tersebut perlu ditangani dengan berhati-hati. Produk haram yang terpaksa diambil perlu bermula dengan produk paling ringan kesan haramnya iaitu menggunakan kandungan *haram mukhtalaf fih* sebelum menggunakan kandungan *haram muttafaq 'alayh*, atau menggunakan produk campuran *haram mukhtalaf fih* yang ter*istihalat* berbanding campuran haram tidak ter*istihalat*. Setelah semuanya tiada, baru mangsa *darurah* dibenarkan menggunakan babi, arak, darah dan bangkai dalam bentuk mentah sebagaimana dinyatakan secara literal dalam al-Qur'an dan sunnah.

Menerusi Model Hirearki Penggunaan *Muharramat* Makanan seperti dihuraikan, setiap umat Islam *akan* dapat menggunakannya sebagai panduan penggunaan produk-produk makanan haram ketika menghadapi *darurah*. Ia penting bagi mengelakkan penggunaan yang menyalahi sempadan syariah. Walaupun dalam keadaan kritikal, syariah tetap menghendaki umat Islam mengutamakan *maslahah* yang lebih baik dan menjauhi *mafsadah* yang lebih buruk. Justeru, langkah utama pemeliharaan maslahah keselamatan nyawa mangsa *darurah* daripada sebarang keadaan merbahaya bermula dengan penggunaan *muharramat* yang paling ringan *mafsadah*nya terlebih dahulu.

PENGHARGAAN

Kerangka asas model ini telah dibangunkan sebagai "*Model Hirearki Pengambilan Muharramat dalam Makanan Ketika Darurah (HPMM-Darurah)*". Berjaya memperolehi anugerah emas dalam International Penang Invention Innovation and Design (PIID) 2017, Universiti Teknologi MARA cawangan Pulau Pinang pada 25-25 April 2017 dan anugerah perak dalam Invention, Innovation & Design Exposition (IIDEX) 2017, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam pada 25-29 September 2017. Model tersebut turut dipatenkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan nombor aplikasi LY2017001668

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim

Abu al-Baqa, Ayyub ibn Musa. t.th. *al-Kulliyyat*. tahqiq Darwish, 'Adnan & al-Misri, Muhammad. Bayrut: Mua'assasat al-Risalah.

Abu Jib, Sa'di. 1988. *al-Qamus al-Fiqh Lughat wa Istilah.* Ed. ke-2. Dimashq: Dar al-Fikr.

Abu Zayd, Jumanah Muhammad Abd al-Razzaq. 2005. *al-Intifa' bi al-A'yan al-Muharramah min al-At'imah wa al-Ashribah wa al-Albisah.* 'Amman: Dar al-Nafa'is.

Abu Zuhrah, Muhammad. t.th. *Usul al-Fiqh*. Bayrut: Dar al-Fikr al-'Arabi.

al-Anbari, 'Abd Allah ibn Yusuf. 1997. *Taysir Ilm Usul al-Fiqh*. Bayrut: Mu'assasat al-Rayyan.

Albahusayn, Ya'qub 'Abd al-Wahhab. 2001. *Raf' al-Harj fi al-Shari'ah al-Islamiyyah Dirasat Usuliyyah Ta'siliyyah* . Ed. ke-4. Riyad: Maktabat al-Rushd.

al-Bahuti, Mansur ibn Yunus. 2003. *Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Tahqiq 'Abd al-Hamid, Ibrahim Ahmad. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.

al-Baz, 'Abbas Ahmad Muhammad. 2008. *Ahkam al-Mal al-Haram wa Dawabit al-Intifa' wa al-Tasarruf bih fi al-Fiqh al-Islami*. al-'Abdali: Dar al-Nafa'is.

Hanson, David J. t.th. Alkoholic content of beer, wine and distilled spirits. www2.potsdam.edu/alcohol/Controversies/1107281458.html#VF170BmwrqA [2 November

2014].

al-Disuqi, Muhammad ibn Arafah. t.th. *Hashiyat al-Disuqi ʻala al-Sharh al-Kabir*. al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad al-Ru'yani. 1995. *Mawahib al-Jalil fi Sharh Mukhtasar Khalil*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Haydar, 'Ali. 2003. *Durar al-Hukkam Sharh Majallat al-Ahkam*. Saudi Arabia: Dar 'Alam al-Kutub.

Humayd, Salih ibn 'Abd Allah. 1982. Raf' al-harj fi al-shari'ah al-Islamiyyah dawabituh wa Tatbiqatuh. Tesis Dr. Fal., Umm al-Qura University.

Ibn 'Abd al-Salam, 'Izz al-Din 'Abd al-'Aziz. 1990. *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Bayrut: Mu'asasat al-Rayyan.

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar. 1992. *Hashiyah Radd al-Mukhtar ʻala al-Durr al-Mukhtar*. Ed. ke-2. Bayrut: Dar al-Fikr.

Ibn al-'Arabi, Abu Bakr Muhammad ibn 'Abd Allah. 2003. *Ahkam al-Qur'an*. Ed. ke-3. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali ibn Ahmad. t.th. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Tahqiq Shakir, Ahmad Muhammad. Bayrut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

Ibn Nujaym, Zayn al-Din ibn Ibrahim. 2005. *al-Ashbah wa al-Naza'ir ʻala Mazhab Abu Hanifah al-Nu'man.* Ed. ke-4. Tahqiq al-Hafiz, Muhammad Muti'. Dimashq: Dar al-Fikr.

Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Ibn Rajab, Zay al-Din 'Abd al-Rahman. 1999. *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam.* Ed. ke-8. Tahqiq al-Arna'ut, Shu'ayb & Bajis, Ibrahim. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn 'Abd al-Halim. 2004. *Majmu' Fatawa*. al-Madinah al-Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Sharif.

Jad al-Haqq, Ali Jad al-Haqq. 1988. Simat al-halal wa al-haram. al-Khatib, 'Ali Ahmad (pnyt.). *Majallah al-Azhar*, Muharram, Terbitan 1409H.

al-Jassas, Abu Bakr Ahmad ibn 'Ali al-Razi. 1992. *Ahkam al-Qur'an*. Tahqiq Qamhawi, Muhammad al-Sadiq. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

al-Jizani. Muhammad ibn Husayn. 2007. *Haqiqat al-Darurat al-Shar'iyyah wa Tatbiqatiha al-Mu'asirah*. Riyad: Maktabat Dar al-Minhaj.

al-Juwayni, Imam al-Haramayn 'Abd al-Malik ibn 'Abd Allah. 1979. *Ghiyath al-Umam fi Iltiyath al-Zalam*. Tahqiq Hilmi, Mustafa & 'Abd al-Mun'im, Fu'ad. Alexanderia: Dar al-Da'wah.

al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakr ibn Mas'ud. 2003. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Tahqiq Mu'awwad, 'Ali Muhammad & 'Abd al-Mawjud, 'Adil Ahmad. Ed. ke-2). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Khallaf, 'Abd al-Wahhab. t.th. *'Ilm Usul al-Fiqh*. Ed. ke-8. al-Qarhiah: Maktabat al-Da'wah al-Islamiyyah.

Mubarak, Jamil Ahmad. 1998. *Nazariyyat al-Darurah Hududuha wa Dawabituha*. Mansurah: Dar al-Wafa'.

al-Muti'i, Muhammad Najib. t.th. *Takmilat al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah al-Irshad.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang. 2006. *Halal Haram*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.

al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad ibn Idris. 2001. *Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq.* Tahqiq Ahmad Sarraj, Muhammad & Jum'ah, 'Ali. al-Qahirah: Dar al-Salam.

al-Ramli, Shams al-Din Muhammad ibn Abu al-'Abbas. 2003. *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Ed. ke-3. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Sarakhsi, Shams al-Din Muhammad. 1993. *al-Mabsut.* Bayrut: Dar al-Makrifah.

al-Sarakhsi, Shams al-Din Muhammad. 2000. *al-Mabsut*. Tahqiq al-Mayyis, Khalil Muhy al-Din. Ed.

ke-4. Bayrut: Dar al-Fikr.

al-Sallabi, Usamah Muhammad. 2002. *al-Rukhas al-Shar'iyyah Ahkamuha wa Dawabituha*. Alexandria: Dar al-Eman.

al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. 2001. *al-Umm*. Tahqiq 'Abd al-Muttalib, Rif'at Fawzi. Mansurah: Dar al-Wafa'.

al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa. t.th. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad ibn 'Abd Allah. 1994. *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. t.tp.: Dar al-Kutbi.

al-Zayni, Mahmud Muhammad 'Abd al-'Aziz. t.th. *al-Darurah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah wa al-Qanun al-Wad'i Dirasat Muqaranat*. Alexanderia: Mu'assasat al-Thaqafah al-Jami'iyyah.

al-Zuhayli, Wahbat. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Ed. ke-3. Dimashq: Dar al-Fikr.

al-Zuhayli, Wahbah. 1985. *Nazariyyat al-Darurah al-Shar'iyyah Muqaranah Ma'a al-Qanun al-Wad'i*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.